

## KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	9/12/2019	MUKA SURAT	: 31
JABATAN	:	JPSM		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# 20 hektar hutan simpan gondol

**SAM gesa henti aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Kledang Saiong**

NOOR AINON MOHAMED  
YUSOF

IPOH

**S**ahabat Alam Malaysia (SAM) mendakwa kira-kira 20 hektar kawasan Hutan Simpan Kledang Saiong berhampiran Chemor di sini telah digondolkan akibat aktiviti penebangan balak.

Presiden SAM, R Meenakshi berkata, daripada pemerhatian pihaknya mendapati kawasan pembalakan yang merupakan sebahagian kawasan Geo-

park Lembah Kinta itu telah dimusnahkan dan dieksplorasi sejak 1 November lalu.

"Kawasan pembalakan itu adalah sebahagian daripada keluasan 500.2 hektar di Hutan Simpan Kledang Saiong.

"Menjadi persoalan, pelesen kegiatan pengusahaan (pembalakan) di bekas kawasan hutan itu ada mengemukakan dan mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) sebelum memulakan kegiatan pengusahaan di kawasan keluasan lesen iaitu 151.49 hektar itu?" katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, pihaknya kecewa apabila saranan yang diberikan kepada kerajaan negeri terutama merentangkan semula kawasan



Sebahagian kawasan Hutan Simpan Kledang Saiong gondol akibat aktiviti pembalakan. Gambar kecil, Meenakshi.

hutan simpan kekal tidak diberi perhatian.

"SAM dan Kuasa (Persekitaran Alam) sering menyuarakan kebimbangan dan meng-

gesa agar pihak berkuasa negeri tidak lagi memansuhkan sesuatu kawasan hutan selain mencadangkan supaya kawasan itu diwartakan semula atau digan-

tiken kawasan tanah lain sebagai hutan simpan kekal.

"Malah, agenda pertamanya pertemuan bersama Menteri Besar, Datuk Seri

Ahmad Faizal Azumu pada Februari lalu adalah tidak memansuhkan sesuatu kawasan perlindungan tanpa justifikasi dan keperluan munasabah," katanya.

Meenakshi berkata, pembalakan kawasan hutan itu selari dengan objektif Dasar Pertutanan Negara serta madaam Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang mensasarkan keluasan hutan simpan kekal mencapai keluasan 5 juta hektar pada 2020.

"Walaupun pemansuhan sebahagian Hutan Simpan Kledang Saiong seluas 500.2 hektar tersebut berlaku semasa pentadbiran kerajaan terdahulu, Ahmad Faizal perlulah mengambil kira kesannya kepada kesejahteraan alam sekitar dengan mewartakan semula sebagai hutan simpan kekal," katanya.